

# Melayu tidak mencarut di khalayak ramai — PM

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Melayu dan masyarakat timur tidak bercakap kasar atau menggunakan perkataan mencarut di khalayak ramai.

“Orang putih nak mencarut biarlah, dia punya budaya macam itu. Kita bukan orang putih apa guna perkataan macam ini,” kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas lindakan anggota panel rancangan terbitan TV3, *Teleskop*, Nasir Jani yang menggunakan perkataan mencarut sewaktu mem-

bincangkan isu cetak rompak dalam industri muzik tempatan.

Dr. Mahathir berkata, “Orang macam ini sepatutnya tidak ada dalam TV dan TV tidak boleh membenarkan orang macam ini mengambil bahagian.”

Menurut beliau, stesen-stesen televisyen di negara ini hendaklah mengkaji serta mengenalpasti perwatakan seseorang tetamu yang mahu diundang di dalam sesuatu rancangan sebelum dia dibenarkan mengambil bahagian.

Semalam Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat menggunakan kuasanya di bawah Akta Penyiaran 1988 untuk mengarahkan TV3 menghentikan segera penyiaran rancangan forum mingguan *Teleskop* ekoran insiden tersebut.

Ketika diminta mengulas mengenai rancangan-rancangan di televisyen yang berbentuk forum, Perdana Menteri berpendapat bahawa rancangan seperti itu ada faedahnya tetapi ia mestilah mengikut cara serta kebudayaan masyarakat Malaysia.

Kata beliau, kebanyakan rancangan berbentuk forum di negara asing adalah untuk siaran mereka sahaja tetapi bagi masyarakat Malaysia pendekatan penggunaan bahasa itu adalah penting untuk mencerminkan budaya timur.

Perdana Menteri turut berasa kurang senang dengan sikap sesetengah media elektronik yang lebih gemar menggunakan suara latar semasa membuat laporan daripada menyiarkan apa yang sebenarnya beliau perkatakan.